

Peniaga runcit diminta contohi pasar raya besar

BH-1/6/2007

PM beri amaran tindakan lebih tegas jika peniaga naikkan harga

Oleh Anwar Hussin, Saufi Hamzah dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan bertindak tegas terhadap peniaga menaikkan harga barang sewenang-wenangnya kerana langkah itu membebankan pengguna terutama golongan tidak mendapat kenaikan gaji.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau sudah banyak kali memberi amaran kepada peniaga berhubung isu kenaikan harga berikutan peningkatan gaji kakitangan awam.

Malah, katanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sudah mengambil tindakan sewajarnya bagi memantau kenaikan harga barang.


"Peniaga runcit sepatutnya gembira kerana begitu ramai yang ada duit apabila ada kenaikan gaji. Pengguna yang banyak duit akan mula berbelanja dan ini menyebabkan permintaan meningkat. Ia memberi kebaikan kepada peniaga termasuk peniaga kecil dan sederhana (PKS).

"Masa ini (kenaikan gaji), jika mahu dapatkan keuntungan lebih, ini bukanlah caranya. Jika mereka naikkan harga nanti pengguna tidak mahu membeli satu barang pun, kerana harga mahal. Kita kena ingat, walaupun gaji naik ia menjadi tidak cukup jika harga mahal dan pengguna mungkin tidak dapat beli barang yang dia cita-citakan apabila dapat kenaikan gaji.

"Bagi yang tiada tambahan gaji, mereka tidak akan beli kerana mahal. Jika dulu boleh beli banyak... sekarang kena beli sedikit... jika dulu boleh beli dua sekarang terpaksa beli satu sebab harga barang naik. Jika harga barang tiada kenaikan, nilai jualan mungkin lebih banyak daripada dulu dan ini memberi pulangan lebih kerana permintaan meningkat," katanya ketika diminta mengulas berhubung

kenaikan harga barang berikutan peningkatan gaji kakitangan awam berkuatkuasa Julai depan.

Abdullah yang juga Presiden Umno berkata, peniaga runcit perlu men-



CARI PENYELESAIAN: Abdullah berbincang sesuatu dengan Najib pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat MT Umno di Menara Datuk Onn, di ibu negara, semalam.

contohi tindakan pasar raya besar yang berani menurunkan harga barang kerana mereka sedar pengguna mampu berbelanja apabila ada kenaikan gaji.

Beliau berkata, kerajaan sudah

“Peniaga runcit sepatutnya gembira kerana ramai yang ada duit apabila ada kenaikan gaji”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

pun melaksanakan pelbagai langkah termasuk pemeriksaan mengejut bagi memastikan harga barang berada dalam keadaan terkawal.

"Kita bukan nak menganiaya mereka, bukan menghalang mereka daripada mencari keuntungan, dalam keadaan sekarang mereka masih boleh menikmati keuntungan, tetapi jangan naikkan harga" katanya.

Diminta mengulas mengenai isu peguam yang terbabit dalam pelbagai kes berkaitan pecah amanah dan salah guna kuasa membabitkan wang berjuta-jutaan ringgit, Abdullah berkata, mereka yang mendakwa kes itu perlu didaftarkan ke mahkamah.

"Pelanggan yang beranggapan me-

reka ditipu perlu melaporkan kes itu kepada polis supaya tindakan dapat dilakukan," katanya tetapi menegaskan pendedahan polis itu tidak bermakna ramai peguam yang tidak amanah kerana masih ramai yang bertanggung jawab.

Sementara itu, mengulas mengenai penyalahgunaan internet beliau berkata, pihak berkuasa perlu menyekat dan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang sedia ada.

Mengenai permintaan pekerja sektor swasta yang mahu majikan membekalkan elaman sara hidup (COLA), beliau berkata, kerajaan tidak campurtangan berhubung isu itu dan keputusan terpulang kepada majikan.